مجلس قربندران کوتبهارو بندراي اسلام

PEMBERITAHUAN

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA BAGI
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN KUTIPAN SISA PEPEJAL
DI PASAR AWAM BERSEPADU WAKAF CHE YEH TAHUN 2027 DAN 2028
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang Perkhidmatan Pembersihan Awam.

No. Sebutharga	Pendaftaran Dengan kementerian Kewangan	Jenis Kerja	Harga Dokumen
MPKB.BRI(PB) SH.02/2026	Kod Kepala 221001 221002 221003	Sebutharga Bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam Dan Kutipan Sisa Pepejal Di Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh Tahun 2027 Dan 2028 MPKB-BRI	RM 50.00

Nota :

1. Bakal penyebut harga adalah dinasihatkan untuk melawat bangunan pasar yang berkenaan sebelum membeli dokumen sebutharga untuk menentukan keluasan, jenis kerja dan jenis bahan kimia (bahan pencuci)yang sesuai digunakan.

2. Dokumen sebutharga yang mengandungi syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dengan bayaran RM 50.00 senaskah daripada laman sesawang http://ebayar.mpkb.gov.my/ **bermula 09 November 2026 sehingga 26 November 2026 pada jam 12.00 tengahari.**

3. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan mengemukakan Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan satu salinan fotostat.

4. Dokumen sebut harga yang dipilih mestilah dikemukakan dengan menggunakan borang sebutharga yang disediakan termeteri dalam sampul surat bertulis :

   Contoh ;

   NO. SEBUTHARGA : MPKB.BRI(PB)SH.02/2026
   SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN ----------
   MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM ,

   dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Bahagian Perolehan, MPKB-BRI selewat-lewatnya pada jam **12.00 tengah hari pada 26 November 2026.**

5. Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga paling rendah atau sebarang sebut harga.

6. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Jabatan Perkhidmatan Bandar MPKB-BRI bila-bila masa waktu pejabat.

Sekian, terima kasih.

RAJA DAN RAKYAT, BERPISAH TIADA
SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI IZUDDIN BIN AB RASHID)

Pengarah Perkhidmatan Bandar
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
Bertarikh :